RABU 5 APRIL 2006 / 6 RABIULAWAL 1427

Penyebar Fikiran Rakyat

Utusan MALAYSIA

www.utusan.com.my

# Tabung Haji labur RM55j beli loji sawit Indonesia

KUALA LUMPUR 4 April – Lembaga Tabung Haji merancang melakukan peleburan bersama sebanyak AS$15 juta (RM55.2 juta) dengan sebuah syarikat asing yang berpangkalan di China bagi memiliki loji penapisan minyak sawit di Indonesia.

Pengerusi TH Plantations Bhd. (THP), Tan Sri Dr. Yusof Basiron berkata, pemilikan loji tersebut dijangka membuka ruang kepada Tabung Haji meneroka aktiviti penghasilan biodiesel pada masa depan.

"Ketika ini Tabung Haji masih belum meneroka aktiviti hiliran yang mana kebanyakan peserta melihat untuk menghasilkan biodiesel.

"Kami juga mungkin berbuat demikian pada masa depan," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Daripada pelaburan sebanyak AS$15 juta yang akan dilakukan secara bersama itu, sebanyak AS$8 juta (RM29.4 juta) diperuntukkan bagi memiliki loji tersebut manakala baki AS$7 juta (RM25.8 juta) adalah untuk menaik taraf keupayaan pengeluaran minyak sawit kepada 1,500 tan metrik sehari daripada 1,000 tan.

Tabung Haji mempunyai 82,000 hektar ladang kelapa sawit di Indonesia yang diuruskan oleh THP.

Selain itu, lembaga tersebut turut memiliki 16,000 hektar ladang kelapa sawit di Semenanjung dan 38,000 hektar ladang di Sabah dan Sarawak yang juga dikendalikan oleh syarikat yang sama.

Menurut Yusof, loji itu kini ditinggalkan begitu sahaja dan pihaknya menyasar untuk memulakan operasi pada akhir tahun ini.

Menyentuh tentang industri kelapa sawit tempatan, Yusof yang juga Pengarah Urusan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berkata, peserta industri menghadapi masa depan yang cerah berikutan peningkatan permintaan daripada Amerika Syarikat serta aktiviti penghasilan biodiesel.

Tambah beliau, biodiesel mampu mengukuhkan kedudukan syarikat perladangan sawit secara kekal.

# Tempoh serah borang saham THP dilanjutkan

KUALA LUMPUR 4 April – TH Plantations Bhd. (THP) hari ini melanjutkan tempoh penerimaan borang permohonan saham syarikat itu selama lima hari lagi sehingga 10 April ini bagi memenuhi permintaan bakal pelaburnya.

Pengerusinya, Tan Sri Dr. Yusof Basiron (gambar) berkata, tindakan itu diambil berikutan kekhuatiran pendeposit Lembaga Tabung Haji terdapat kemungkinan borang permohonan mereka lewat sampai ke firma terbitan, Malaysian Issuing House.

"Rata-rata bakal pelabur ini merupakan pelabur baru di Bursa Malaysia yang mana mereka belum mempunyai akaun sistem depositori pusat dan mereka memerlukan masa," katanya pada sidang media di sini hari ini.

THP yang akan disenaraikan di papan utama menawarkan 74.215 juta saham biasa bernilai 50 sen sesaham pada harga tawaran RM1.25 sesaham.

Daripada jumlah itu, sebanyak 41.071 juta saham diperuntukan secara eksklusif kepada para penyimpan Tabung Haji, 19.6 juta saham kepada institusi Islam, empat juta saham untuk anggota dan ahli lembaga pengarah Lembaga Tabung Haji dan THP dan 9.8 juta untuk orang awam.



Terdapat 2.8 juta pendeposit Tabung Haji layak menyertai cabutan saham yang diperuntukkan secara eksklusif itu.

Mereka yang layak merupakan pendeposit yang telah berumur 18 tahun ke atas pada hari prospektus diterbitkan, iaitu 23 Mac lalu, serta mempunyai akaun yang aktif untuk tempoh tujuh tahun.

Menurut Yusof, bagi memudahkan lagi pendeposit Lembaga Tabung Haji memohon saham THP, kini mereka boleh menyerahkan borang masing-masing di semua 121 cawangan lembaga itu.

"Hari terakhir untuk menyerahkan borang di cawangan Lembaga Tabung Haji ialah pada pukul lima petang 7 April ini kecuali di Kedah, Kelantan dan Terengganu iaitu pada pukul 12 tengahari 9 April ini," jelasnya.

Tambah beliau, walaupun tarikh penerimaan permohonan telah dilanjutkan namun penyenaraian saham THP tetap dilakukan pada 27 April depan.

Ditanya manfaat yang akan dinikmati oleh pendeposit memandangkan dana yang dikumpulkan menerusi pelaksanaan tawaran awam permulaan (IPO) itu disalurkan kepada Lembaga Tabung Haji, Yusof berkata, pelabur boleh menikmati pendapatan dividen selain meraih faedah daripada turun naik harga saham mereka.